

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR
MAJLIS PELANCARAN TABUNG PUSPADARA-PUSPANITA
10 JANUARI 1995

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada PUSPANITA kerana menjemput saya untuk menjadi penaung bagi Majlis Pelancaran Tabung PUSPADARA-PUSPANITA dan seterusnya melancarkannya. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia Nya dapat saya bersama-sama dengan para hadirin pada malam yang permai ini.

2. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada PUSPANITA yang telah berusaha mengadakan satu aktiviti untuk membantu kaum wanita Malaysia menangani penyakit kanser buah dada atau kanser payudara yang kini telah meningkat.

3. Kanser payudara merupakan kanser yang paling lumrah di kalangan wanita. Menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO, 28 peratus daripada kes-kes kanser yang dikenalpasti dalam tahun 1989 adalah kes kanser payudara dan 18 peratus daripada jumlah kematian adalah disebabkan oleh kanser payudara. Di Malaysia, insiden kes kanser payudara dianggarkan sebanyak 28 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Sungguhpun demikian, adalah dipercayai kes sebenar mungkin lebih tinggi kerana angka ini tidak termasuk pesakit kanser payudara yang cuba mendapat rawatan secara tradisional.

4. Pengesanan awal merupakan satu langkah yang paling penting untuk menyelamatkan pesakit. Mengikut Klinik Payudara Hospital Kuala Lumpur, lebih daripada 18.5 peratus pesakit yang datang untuk mendapat rawatan di klinik tersebut didapati di tahap penyakit yang lewat. Punca kelewatan ini ialah pesakit tidak menyedari masalah mereka di peringkat awaldan juga kelewatan mengenalpasti penyakit kerana kekurangan kemudahan-kemudahan di Pusat rawatan yang berdekatan dengan tempat kediaman mereka.

5. Justeru itu, inisiatif yang diambil oleh PUSPANITA untuk mengadakan projek tabung PUSPADARA-PUSPANITA untuk membantu menangani masalah ini amat tepat masanya dan amat bersesuaian bagi sebuah pertubuhan wanita. Sembilan puluh sembilan daripada 100 kes kanser payudara terjadi di kalangan wanita dan setiap wanita mempunyai risiko untuk mendapatnya. Dengan mengadakan projek tabung PUSPADARA ini, PUSPANITA telah menunjukkan kepekaan dan sikap keperihatinannya kepada golongan wanita.

6. Saya difahamkan bahawa salah satu daripada aktiviti projek "Tabung PUSPADARA-PUSPANITA" ini ialah bagi melengkapi klinik payudara di Hospital Kuala Lumpur dengan alat-alat pengesanan dan penyiasatan serta rawatan yang diperlukan. Klinik payudara yang telah sedia ada di Hospital Kuala Lumpur

mempunyai ruang yang agak terhad dan keadaan sekeliling yang tidak begitu bersesuaian untuk pengendalian pesakit-pesakit kanser. Saya merayu kepada pihak hospital dan Kementerian Kesihatan agar masalah ruang ini supaya pesakit-pesakit akan merasa lebih selesa. Pesakit-pesakit yang sedang mengalami masalah fizikal dan tekanan mental disebabkan penyakit kanser ini memerlukan keadaan sekeliling yang lebih aman dan selesa. Konsep 'One-stop Agency' atau klinik setempat adalah amat bersesuaian agar pesakit tidak perlu bergerak terlalu jauh dari tempat rawatan. Klinik ini juga perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang berkaitan seperti bilik kaunseling dan bilik pembelajaran kesihatan.

7. Sungguhpun alat yang lengkap di klinik payudara amat mustahak untuk mengenalpasti penyakit kanser payudara pada peringkat awal, semua wanita perlu juga diajar dan digalakkan untuk melakukan pemeriksaan sendiri payudara atau PSP. Semua wanita mestilah mempelajari kaedah PSP ini kerana dengan memeriksa diri sendiri, kemungkinan penyakit ini boleh dikenalpasti lebih awal. Semua wanita terutama sekali mereka yang berumur 30 tahun ke atas dinasihatkan melakukan PSP pada setiap bulan. Dalam hal ini, usaha PUSPANITA untuk menyebarkan maklumat ini melalui pencetakan risalah mengenai PSP, penyediaan 'Jingles' dan 'Publicity Video' mengenai PSP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan adalah amat bijak sekali.

8. Adalah amat wajar bagi PUSPANITA memainkan peranan di dalam menyebarkan maklumat kesihatan mengenai kanser payudara ini amnya dan kaedah pemeriksaan sendiri payudara, khususnya kepada ahli ahli dan semua wanita di negara ini. Dengan kerjasama agensi-agensi lain, kita dapat pastikan bahawa wanita di Malaysia menyedari tentang aspek kesihatan ini. Seminar, bengkel dan taklimat perlu juga diadakan dari masa ke masa untuk tujuan tersebut.

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada PUSPANITA di atas projek tabung PUSPADARA- PUSPANITA ini. Tujuannya adalah amat murni dan menunjukkan unsur-unsur keihisan. Oleh itu saya amatlah berharap agar ianya mendapat sokongan daripada semua golongan masyarakat, iaitu agensi-agensi Kerajaan dan juga sektor awam. Semoga projek ini dapat mencapai objektif-objektif yang telah dirancang.

10. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmannirrahim' saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Tabung PUSPADARA-PUSPANITA.